

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]

TARIKH : -

SOALAN

Tuan Lim Guan Eng minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan **sebab keengganan** menyelesaikan kemelut penjualan air mentah berhubung langkah Kerajaan Perak yang hanya mahu menjual air terawat sahaja kepada Pulau Pinang sebagaimana dicadangkan dalam Skim Bekalan Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS). Kenapa Pulau Pinang tidak diberi layanan sama dalam hal perolehan air mentah dan bayaran yang sepatutnya ditetapkan pada kadar dibayar Selangor atau Melaka.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Kerajaan Persekutuan sentiasa berkerjasama dalam menyelesaikan kemelut penjualan air mentah antara Kerajaan Negeri Perak dan Kerajaan Pulau Pinang sebagaimana dicadangkan dalam Skim Bekalan Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS). Oleh kerana sumber air adalah di bawah kerajaan negeri, Kerajaan Persekutuan berpandangan adalah elok Kerajaan Negeri Perak dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyelesaikan terlebih dahulu mekanisme penjualan air yang dimaksudkan. Setelah persetujuan dicapai, maka cadangan tersebut bolehlah diangkat untuk pertimbangan Kerajaan Persekutuan seterusnya.
2. Dalam pada itu Kerajaan Persekutuan tidak pernah membelakangkan pembangunan sumber air di Negeri Pulau Pinang. Sebagai contoh, Kerajaan Persekutuan membiayai sepenuhnya pelaksanaan Projek Pembesaran Empangan Mengkuang bernilai RM1.2 bilion yang kini 77.16% siap dan dijangka siap secara berfasa seawal bulan Mac 2017. Dengan siapnya projek ini, kapasiti takungan air mentah di Negeri Pulau Pinang akan meningkat dari 22 juta meter padu ke 73.5 juta meter dan mampu membekalkan air mentah di seluruh Negeri Pulau Pinang hingga melepasi tahun 2020.

Tuan Yang Dipertua,

3. Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga perlu memainkan peranan untuk memastikan bekalan air mentah yang mencukupi. Pelaksanaan program *Water Demand Management*, dengan izin, perlu dipertingkatkan kerana penggunaan air per kapita di Negeri Pulau Pinang adalah yang tertinggi di negara ini iaitu sebanyak 293 *liter/kapita/hari* berbanding dengan purata nasional sebanyak 211 *liter/kapita/hari*. Sekiranya penggunaan air per kapita domestik dapat dikawal sekurang-kurangnya pada paras 250 liter/kapita/hari bagi kawasan bandar dan 240 liter/kapita/hari bagi kawasan luar bandar, bekalan air mentah sedia ada boleh bertahan hingga tahun 2030.

4. Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan operator bekalan air juga diseru untuk mengoptimumkan penggunaan air Empangan Mengkuang dan pada masa yang sama mengutamakan usaha untuk mengawal penggunaan air per kapita kepada tahap yang munasabah.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN SIM CHEE KEONG
DARIPADA [BUKIT MERTA JAM]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada permohonan untuk bangunan tambahan SRJKC Permatang Tinggi Bukit Mertajam yang tertunda lebih lapan tahun sudah diluluskan untuk Rolling Plan ke-1 Rancangan Malaysia Ke-11. Jika ya, bila pelaksanaan pembinaan, jika tidak, mengapa dan bila akan diluluskan.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Permohonan bagi bangunan Gantian Penuh 12 bilik darjah dan lain-lain kemudahan berkaitan di SJKC Permatang Tinggi dengan anggaran kos sebanyak RM21,840,000.00 pada RMK-11 (Rolling Plan ke-1) telahpun dibuat namun permohonan tersebut tidak diluluskan. Sehubungan itu, JPN Pulau Pinang sekali lagi telah memohon di bawah RMK-11 (Rolling Plan 2) untuk pertimbangan dan kelulusan.